

BERTAQWALAH KAMU KEPADA ALLAH DAN HENDAKLAH KAMU BERADA BERSAMA-SAMA ORANG-ORANG YANG BENAR

[MUTIARA AL-QURAN UNTUK PANDUAN HIDUP]



<https://youtu.be/pnSCqzXpKDk>

VIDEO – [Durasi – 4m 2s] – MUTIARA AL-QURAN -Bertaqwalah Kepada Allah Dan Bersamalah Dengan Orang-orang Yang Benar

“WAHAI ORANG-ORANG YANG BERIMAN! BERTAQWALAH KAMU KEPADA ALLAH DAN HENDAKLAH KAMU BERADA BERSAMA-SAMA ORANG-ORANG YANG BENAR” (SURAH AT-TAUBAH, AYAT 119)

EKSTRAKS DARI VIDEO

1. Allah berpesan kepada orang yang beriman dua perkara, iaitu bertaqwa kepada Allah (jaga diri kita daripada apa yang Allah tidak suka, jauhkan dari perkara yang Allah larang, lakukan apa yang Allah suka) dan hendaklah bersama dengan orang-orang yang benar (dan jangan bersama orang yang dusta, orang yang tidak benar aqidahnya dll)
2. Kalau tidak, akibatnya amat buruk. Kalau bersama dengan orang yang tidak benar (jahat dsb) kita pun akan terpalit sama dengan kejahatan dan keburukannya.
3. Kadang-kadang kita sendiri pun tidak begitu baik dan tidak sempurna tetapi dengan mendampingi orang yang benar kita akan mendapat kebaikan dan keuntungan.
4. Contoh mudah, dalam arena politik, kalau kita bersama parti yang salah (tidak benar), walaupun kita baik, kita akan terhumban sama jika parti politik (yang berbuat salah) yang kita sokong itu jatuh atau kalah.
5. Walaupun kita baik, tetapi dengan duduk bersama dengan orang yang tidak baik kita pun akan terkena kesannya dan begitulah sebaliknya.
6. Yang paling penting, kita perlu menilai menurut neraca akhirat. Kita hendaklah pastikan seseorang atau kumpulan yang kita duduk bersama benar aqidahnya.
7. Kita tidak mahu hanya selamat di dunia tetapi yang pentingnya selamat juga di akhirat. Perhatikan dalam kehidupan dunia, orang kafir musyrik mungkin hidup lebih mewah dan selesa dari kita tetapi mereka tidak selamat di akhirat.
8. Kita perlu bersama orang yang benar di segi aqidah, percakapan, ajaran, nescaya kita akan selamat.

BERSAMALAH DENGAN ORANG YANG BENAR DI SEGI AKIDAH DAN AKHLAKNYA DAN KITA SENDIRI HENDAKLAH SENTIASA BERTAQWA.